

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
30 OGOS 2021	23 NOV 2021	31 DIS 2021

## KONSEP WALI KEPADA ANAK YATIM: KAJIAN TERHADAP KEFAHAMAN DAN PERANAN AHLI MASYARAKAT

### *THE CONCEPT OF GUARDIANS FOR ORPHANS: A STUDY ON THE UNDERSTANDING AND ROLE OF COMMUNITY MEMBERS*

Noraini binti Mohamad<sup>1</sup>  
Siti Zaleha binti Ibrahim<sup>2</sup>  
Hasliza binti Talib<sup>3</sup>  
Norsaadah binti Din @ Mohamad Nasirudin<sup>4</sup>

#### ABSTRAK

*Kematian bapa dalam sesebuah keluarga memberi kesan besar kepada isteri dan anak-anak. Kebanyakkan dalam kalangan mereka akan kehilangan tempat bergantung, apatah lagi jika isteri tidak bekerja. Selain isteri, anak-anak juga akan mendapat impak yang besar terhadap kehilangan bapa yang menjadi ketua dalam keluarga sebelum ini. Ketiadaan posisi bapa dalam keluarga akan menyebabkan banyak kelompangan berlaku sama ada melibatkan keperluan kewangan dan emosi. Justeru kajian ini akan mengetengahkan beberapa posisi yang perlu menjadi perhatian khususnya yang melibatkan anak yatim. Objektif kajian ini adalah meneroka konsep wali terhadap anak yatim menurut perspektif Islam dan mengkaji kefahaman ahli masyarakat terhadap konsep wali dan peranannya kepada anak yatim. Metodologi kajian adalah secara kualitatif menggunakan persampelan bertujuan dengan pengumpulan data melalui kaedah temu bual separa berstruktur. Lapan orang peserta kajian yang dipilih mewakili pakar agama, wali, balu, pengurus rumah anak yatim, ahli akademik dan pengamal undang-undang. Hasil kajian mendapati, kefahaman peserta kajian terhadap konsep wali kepada anak yatim adalah menepati maksud sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran dan Hadis. Begitu juga peranan dan tanggungjawab wali anak yatim yang juga turut diuraikan berasaskan apa yang ada dalam ketetapan ajaran Islam. Namun pelaksanaan masyarakat terhadap peranan dan tanggungjawab mereka terhadap anak yatim masih tidak boleh dipastikan. Justeru kajian ini diharap dapat memberi cetusan idea kepada kelestarian kajian yang akan datang khususnya yang melibatkan aplikasi terhadap kefahaman yang dibawa oleh ahli masyarakat yang terlibat.*

**Kata Kunci:** Wali, Anak Yatim, Kefahaman, Peranan.

<sup>1</sup> Pensyarah, Jabatan Kefahaman & Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). [norainimohamad@kuis.edu.my](mailto:norainimohamad@kuis.edu.my).

<sup>2</sup> Pensyarah, Jabatan Kefahaman & Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). [sitizaleha@kuis.edu.my](mailto:sitizaleha@kuis.edu.my)

<sup>3</sup> Pensyarah, Jabatan Kefahaman & Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). [hasliza@kuis.edu.my](mailto:hasliza@kuis.edu.my)

<sup>4</sup> Pensyarah, Jabatan Kefahaman & Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). [norsaadah@kuis.edu.my](mailto:norsaadah@kuis.edu.my)

### **ABSTRACT**

*The death of a father in a family has a profound effect on the wife and children. Most of them will lose their source of income especially for full time housewife. In addition to the wife, the children will also have a major impact on the loss of the father who was the head in the family. The absence of a father's position in the family will cause many problems to occur whether involving financial and emotional needs. Thus this study will highlight some positions that need to be considered especially those involving orphans. The objective of this study is to explore the concept of wali towards orphans according to the Islamic perspective and to examine the understanding of community members on the concept of wali and its role to orphans. This study is a qualitative study using a sampling design aimed at data collection through semi -structured interview method. The eight selected study participants represented widows, orphanage managers, academics and legal practitioners. The results of the study found that the participants' understanding of the concept of guardian to orphans in accordance with the meaning as stated in the Quran and Hadith. Similarly, the role and responsibilities of the guardian of orphans are also described based on what is in the rulings of Islamic teachings. But the implementation of that understanding is still uncertain. Therefore, this study is expected to provide ideas for the sustainability of future studies, especially those that involve the application of the understanding brought by the community members involved.*

**Keywords:** *Wali, Orphans, Understanding, Role.*

### **1.0 PENGENALAN**

Kajian ini merupakan kajian mengenai kefahaman dan peranan wali terhadap anak yatim. Ia bertujuan meneroka konsep wali terhadap anak yatim menurut perspektif Islam. Kajian ini juga turut mengkaji kefahaman ahli masyarakat terhadap konsep wali kepada anak yatim dan peranan mereka selaku wali kepada anak yatim. Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan reka bentuk persampelan bertujuan dengan pengumpulan data melalui kaedah temu bual separa berstruktur. Lapan orang peserta kajian telah dipilih mewakili pakar agama, wali, balu, pengurus rumah anak yatim, ahli akademik dan pengamal undang-undang. Analisis yang dilakukan secara naratif berdasarkan penghasilan tema melalui data temu bual. Perbincangan sub topik dalam penulisan ini mewakili konsep wali dan anak yatim, hak-hak anak yatim, dapatan kajian dan perbincangan serta kesimpulan. \

## 2.0 KONSEP WALI DAN ANAK YATIM

Anak adalah amanah Allah yang dipertanggungjawabkan kepada ibu bapa untuk memelihara dan mendidiknya sehingga menjadi manusia berguna. Berdasarkan kepada al-Quran dan Hadis serta perbincangan dalam kalangan sarjana perundangan Islam, jelas menunjukkan bahawa anak mempunyai hak mereka tersendiri yang mesti dipenuhi demi memastikan perlindungan dan kebajikan mereka terjamin. Perbincangan secara ringkas mengenai konsep wali terhadap anak yatim, definisi anak yatim, kategori anak yatim, jenis hak perlindungan dan kebajikan anak yatim bersandarkan al-Quran, Hadis dan perbincangan dalam kalangan sarjana perundangan Islam dengan membahagikannya kepada hak kanak-kanak sebelum dilahirkan dan selepas dilahirkan.

### Definisi Wali

Perkataan wali dalam bahasa Arab kebiasaannya digunakan dengan rangkai kata "*alwilayah fi al-nikah aw al-ziwaj*". Pengertian "*al-wilayah*" ini boleh dilihat dari aspek bahasa dan istilah. Perkataan "*al-wilayah*" (al-Bustani, 1977) berasal daripada bahasa Arab yang merupakan kata dasar (masdar) daripada "*wa-li-ya*", yang memberi erti menyayangi, menolong, menguasai dan memimpin. Juga bermakna kesanggupan bertindak, mengurus atau mempunyai kekuasaan mentadbir sesuatu dan memperwalikan seseorang perempuan. Perkataan "*al-wali*" pula merujuk orang yang mengurus, memelihara atau orang yang bertanggungjawab ke atas sesuatu. Rangkai kata "*wali al-mar'ah*" pula membawa maksud orang yang berkuasa (berhak) menikahkan seseorang perempuan. Dari segi istilah pula, pelbagai definisi tentang perwalian diberikan oleh para ulama *mutaqaddimin* dan *mutaakhirin*. Antaranya:

1. Menurut Abdul Karim Zaydan, perwalian ialah kekuasaan secara syarak terhadap diri dan harta mengikut turutan pelaksanaan kedua-duanya (Zaydan, 1969 M / 1389 H).
2. Menurut al-Sayyid Sabiq, perwalian bermaksud suatu hak menurut syarak yang berkuasa melaksanakan perintah atas orang lain dengan paksa. (Sabiq, 1985 M / 1405H)

3. Menurut Badran Abu al-‘Ainain Badran, ianya merupakan kuasa syarak yang diberikan kepada wali untuk menguruskan akad nikah dan untuk membelanjakan harta serta melaksanakan perintah tersebut. (Badran, 1985 M / 1389 H)
4. Menurut Wahbah al-Zuhaili mendefinisikan perwalian bermaksud kuasa yang membolehkan seseorang untuk melakukan akad atau membelanjakan harta tanpa keizinan orang lain (al-Zuhaily: 1985).

Wali juga membawa maksud teman karib, pemimpin, pelindung atau penolong yang terdiri daripada ahli waris lelaki yang terdekat. Wali ini merupakan salah satu rukun dalam perkahwinan.

### **Kepentingan Wali Dalam Islam**

Berikut merupakan dalil daripada al-Quran yang menunjukkan kepentingan wali dalam Islam.

Maksudnya: *“Janganlah kamu menghalang mereka berkahwin kembali dengan bekas suami mereka apabila telah terdapat kerelaan antara mereka dengan cara yang makruf”*.

(al-Baqarah:  
232)

Maksudnya: *“Dan janganlah kamu kahwinkan perempuan-perempuan kamu dengan lelaki musyrik (kafir) hingga mereka beriman”*.

(al-Baqarah: 221)

Begitu juga dalil daripada hadis

Daripada Abi Musa RA Rasulullah SAW bersabda, maksudnya: *“Tidak ada nikah melainkan dengan adanya wali”*.

(HR al-Khamsah & al-Nasa’i)

Jika dilihat kepada perwalian anak pula, al-Quran ada menyebut dalam Surah al-Maa’uun, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Maksudnya: *“Tahukah kamu (orang) yang mendustakan hari pembalasan? Itulah orang yang mengherdik anak yatim, dan tidak menganjurkan memberi makan orang miskin”*

(al-Maa'uun:

1-2)

Pada ayat kedua Surah al-Maa'uun ini telah menjadi dasar bahawa sebagai orang muslim wajib menyayangi dan mengasihi anak yatim. Yatim adalah anak yang kematian ibu bapa sebelum capai usia baligh. Dialah yang patut dikasihi kerana mereka tidak lagi memiliki ibu bapa yang mengasihinya. Akan tetapi yang disebutkan dalam ayat ini adalah orang yang mengherdik anak yatim, iaitu ketika yatim tersebut datang, mereka menolaknya dengan sekeras-kerasnya atau meremehkannya. Firman Allah SWT lagi:

Maksudnya: “ *Dan mereka bertanya kepadamu tentang anak yatim, katakanlah: “Mengurus urusan mereka secara patut adalah baik, dan jika kamu bergaul dengan mereka, maka mereka adalah saudaramu; dan Allah mengetahui siapa yang membuat kerosakan dari yang mengadakan kebaikan”*”

(al-Baqarah:

220)

### **Definisi Anak Yatim**

Anak yatim ialah anak yang kehilangan bapa. Seorang anak itu dianggap anak yatim sehingga usianya baligh. Selepas baligh, ia bukan lagi dikira anak yatim. Hak dan kebajikan anak yatim antara yang paling banyak mendapat perhatian dalam al-Quran. Sebagaimana firman Allah yang bermaksud;

Maksudnya: “*...dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri...*”

(al-Nisa': 36).

Terdapat istilah yang khusus untuk menamakan anak yatim. *Al-Yatim* (الْيَتِيمُ) dari sudut bahasa membawa maksud tunggal, bersendirian. Telah berkata Ibn al-Sikkit: “*Al-Yatim* adalah mereka yang kehilangan bapa. Tidak dipanggil seseorang yang kehilangan ibu dengan *al-Yatim*” (Lisan

al-‘Arab. Dar Sadir, 12/645). Berkata Ibn Barriy pula: “*Al-Yatim* (الْيَتِيمُ) adalah bagi yang kematian ayah. *Al-‘Ajiy* (العَجِي) bagi kematian ibu manakala *al-Latim* (اللَّطِيم) pula adalah bagi yang kematian keduanya”

Perkataan ‘yatim’ mengikut bahasa adalah diambil daripada bahasa Arab dalam bentuk isim faa’il. *Feel madhi* adalah ‘*yatama*’, manakala *feel mudhori* adalah ‘*yaytamu*’. Adapun kalimah *masdar* berbunyi ‘*yatmu*’ yang membawa makna sedih dan juga ‘sendiri’ (Lisan al-Arab: 2004).

Maksud yatim menurut istilah syarak ialah anak yang kematian bapa sebelum dia mencapai umur baligh. Sebagaimana yang dinyatakan dalam kamus al-Munjid, yatim adalah seorang bayi atau seorang anak yang ayahnya meninggal ketika dia belum dewasa (baligh). Justeru sebahagian besar pakar bahasa telah menyatakan bahawa anak yatim adalah setiap anak yang ditinggalkan meninggal oleh ayahnya ketika dia belum baligh (Syihabuddin Abu Amr: 2003).

Walau bagaimanapun, maksud yang sama turut digunakan oleh beberapa pendapat yang lain dalam membincangkan perkataan yatim dari sudut istilah. Antaranya ialah perkataan yatim bermaksud anak yang ditinggalkan selepas kematian bapanya dan ia belum mencapai usia baligh. Adapun jika dalam konteks binatang istilah yatim adalah anak yang ditinggalkan selepas kematian ibunya (Ibrahim Anis: 1063). Perbezaan penggunaan perkataan yatim adalah berdasarkan kepada peranan bapa sebagai orang yang bertanggungjawab ke atas anaknya. Adapun Ibnu Manzur (1993) pula menyebut, perkataan yatim adalah khusus untuk anak yang kematian bapa sahaja, manakala anak yang kematian ibunya disebut dengan istilah ‘*munqati*’ bermaksud yang terputus. Islam melihat bahawa anak yatim itu adalah mereka yang kematian bapa dan belum mencapai umur baligh. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud; Maksudnya: “*Tidak ada keyatiman setelah baligh*”.

(HR Abu Daud (2873), dinilai Sahih oleh al-Baani).

Hadis tersebut jelas menunjukkan kepada kita bahawa yang dinamakan anak yatim itu adalah mereka yang kehilangan bapa dan belum mencapai umur baligh. Sekiranya telah mencapai umur baligh, maka penggunaan istilah yatim tidak digunakan kepada mereka (Aun al-Ma’bud. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah (8/54).

Walaupun bagaimanapun, melalui kajian Siti Nur Hazimah et. al (2020) ada menyatakan beberapa perbincangan ulama mengenai usia sebenar anak yatim berdasarkan tempoh yang sesuai bukan semata-mata mengikut ukuran baligh. Menurut Ibn al-Humam (1995) dalam mazhab Hanafi, anak lelaki berhak menerima nafkah sehingga mencapai umur yang membolehkannya bekerja walaupun belum mencapai usia baligh, sementara dalam mazhab Maliki anak lelaki layak mendapat nafkah sehingga mencapai usia baligh iaitu 18 tahun (Al-Shazali 1938). Tempoh pembiayaan nafkah bagi anak perempuan pula adalah sehingga anak perempuan tersebut berkahwin. Hal ini kerana secara kebiasaannya seorang perempuan tidak mampu untuk menyara hidup mereka (Nizam al-Din 2002). Bagi Mazhab Syafi'i dan Mazhab Hanbali pula, kedua-dua mazhab ini tidak membezakan tempoh pembiayaan nafkah bagi anak lelaki dan anak perempuan. Al-Mawardi (1999) telah menyatakan bahawa dalam mazhab Syafi'i, anak lelaki dan anak perempuan dibiayai nafkah mereka sehingga mencapai usia baligh 15 tahun (Al-Syatiri 2003).

### **Usia Anak Yatim**

Batas seorang anak yang diberi gelaran yatim adalah ketika anak tersebut telah baligh dan dewasa. Ini berdasarkan sebuah hadis yang menceritakan bahawa Ibnu Abbas RA pernah menerima surat dari Najdah bin Amir yang terkandung beberapa pertanyaan, salah satunya tentang batasan seseorang disebut yatim. Ibnu Abbas menjawab; *“Dan kamu bertanya kepada saya tentang anak yatim, bila terputusnya gelaran yatim itu? sesungguhnya gelaran yatim itu terputus apabila ia sudah baligh dan menjadi dewasa.* (HR Muslim).

Secara etimologinya, anak memiliki konotasi yang sangat luas, iaitu setiap manusia yang belum dewasa bermula dengan bayi yang baru lahir sehingga remaja (Elizabeth B. Huriock: 1978). Istilah yatim tidak digunakan jika sudah mencapai usia baligh. Ia berdasarkan hadis yang bermaksud “Status yatim hilang bila dia telah baligh” (al-Zamakhshari: t.t). Sementara bagi anak perempuan, istilah yatim akan hilang apabila ia telah mencapai usia baligh atau setelah berkahwin walaupun ia belum mencapai usia baligh (Ibn Manzur: 1993). Ia disebabkan perempuan yang sudah berkahwin sudah hidup di bawah tanggungan suaminya. Menurut pendapat Abd al-Rashid Abd al-Aziz Salim (1975) pula, usia yatim adalah dikira melalui dua tahap iaitu, pertama; usia bayi sehingga mencapai usia enam tahun, manakala yang kedua; bermula usia enam tahun sehingga mencapai usia baligh. Adapun anak yang berusia sebelum

mencapai umur baligh, ia disebut sebagai *sobiyy* (anak kecil) iaitu belum sempurna cara berfikirnya dan belum menginjak usia taklif (bebanan ibadah) (Jalal al-Din al-Khabbazi: t.t).

Perbincangan secara terperinci dalam konteks fiqh terhadap usia anak yatim adalah sebagaimana berikut. Batas akhir usia anak yatim adalah dengan mencapai usia baligh (*sinn al-baligh*). Ia juga menggambarkan kemungkinan boleh mencapai status mukallaf. Indikator baligh dapat diketahui dengan beberapa bukti yang dialami oleh anak iaitu *ihtilam* (mimpi keluar air mani, mimpi khusus, nocturnal emission, pancaran alam), tumbuhnya bulu di sekitar kelamin. Semua indikator ini dialami oleh anak-anak lelaki dan juga perempuan (al-Zuhayli, 2016). Indikator *ihtilam* menunjukkan anak-anak sudah mencapai kematangan fizikal, walaupun indikator ini dialami oleh anak-anak lelaki dan perempuan, namun ia sering dialami oleh anak-anak lelaki.

Melalui beberapa indikator mencapai usia baligh seorang anak yang telah disebutkan, indikator yang paling mudah untuk diketahui secara zahir adalah melalui usia. Oleh itu, ulama fiqh telah menetapkan ukuran baligh adalah bermula usia 15 tahun sehingga 18 tahun. Imam Aḥmad dan Imam al-Shafie, contohnya telah membuat ukuran usia baligh dengan 15 tahun, Imam Abu Ḥanifah pula menyatakan usia baligh dicapai ketika berumur 17 dan 18 tahun. Sementara menurut pengikut Imam Malik pula, usia yang diukur adalah 15, 17 dan 18 tahun (Ibn Qayyim, 1994).

### 3.0 HAK-HAK ANAK YATIM

Perkataan hak di dalam bahasa Arab secara umumnya mempunyai banyak makna yang berbeza-beza penggunaannya. Antara maknanya ialah wajib melakukan, memiliki, tetap, salah satu nama Allah SWT, kebenaran, melaksanakan sesuatu sebagai tanggungjawab atau tugas dan ia lebih khusus. Selain itu, penggunaan kalimah haq dalam kalangan sarjana perundangan Islam juga berbeza-beza antaranya yang membawa maksud hukum sesuatu perkara yang telah ditetapkan menurut hukum syarak; kepentingan hak menurut hukum syarak; satu hubungan yang khusus antara tuan punya hak dan kepentingan yang boleh diperolehi daripadanya; ia adalah suatu penguasaan (ةطلس) atau perlaksanaan tanggungjawab (فلكت) yang khusus yang diiktiraf oleh hukum syarak.

Berdasarkan makna yang dikemukakan adalah berbeza, maka perkataan hak ini boleh difahami dalam konteks hubungannya dengan manusia ialah ia melibatkan kepentingan individu dengan sesuatu yang mesti diperolehi atau dimiliki atau dilaksanakan terhadap individu lain atau masyarakat tanpa memudaratkan pihak lain dan ia mestilah berlandaskan hukum syarak. Anak yatim mempunyai beberapa hak yang perlu diberi perhatian. Hak-hak tersebut adalah sebagaimana berikut.

### **Hak Nafkah**

Nafkah diambil daripada perkataan '*al-infaq*' yang bermaksud mengeluarkan. Nafkah juga bermaksud belanja, maksudnya sesuatu yang diberikan oleh seseorang suami kepada isteri, seorang bapa kepada anak dan kerabat dari miliknya sebagai keperluan pokok bagi mereka (Aliy As'ad: 1985). Nafkah juga bermaksud memberi perbelanjaan yang secukupnya daripada makanan, pakaian dan tempat tinggal (Wahbah al-Zuhaili, 2001). Sebagaimana firman Allah SWT;

Maksudnya: "*Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya. Dan orang yang disempitkan rezekinya hendaklah memberi nafkah dari harta yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak memikulkan beban kepada seseorang melainkan sekedar apa yang Allah berikan kepadanya. Allah kelak akan memberikan kelapangan sesudah kesempitan*"

(al-

Talaq: 7)

Maksudnya: "*Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolonganNya...*"

(al-

Nisa':34)

Keutamaan nafkah kepada anak yatim adalah terdiri daripada tempat tinggal, makanan, pakaian dan pendidikan. Justeru wali perlu bertanggungjawab menanggung nafkah hidup dan pendidikan serta kelengkapan yang lain. Firman Allah SWT dalam ayat berikut;

Maksudnya: “*Dan mereka bertanya kepada mu (wahai Muhammad) terhadap anak-anak yatim. Katakanlah bahawa berbuat islah (kebaikan) kepada mereka itu (anak-anak yatim) adalah merupakan suatu kebaikan.*”

(al-Baqarah:

220)

Sabda Rasulullah SAW pula;

Maksudnya: “*Barangsiapa yang memelihara anak yatim dan memberinya makan dan minum nescaya Allah akan memasukkannya ke dalam syurga kecuali jika dia melakukan dosa yang tidak dapat diampuni.*”

(HR al-Tirmidzi, No:

1917)

Justeru seorang wali kepada anak yatim harus bertanggungjawab ke atas pemberian nafkah kepada anak yatim di bawah jagaannya. Pemberian nafkah kepada anak yatim sama ada melalui duit penjaga jika mereka berkemampuan atau melalui harta anak yatim yang telah diamanahkan kepada penjaga. Namun penjaga harus berhati-hati menggunakan duit yang diamanahkan kepada mereka kerana bimbang jika ia termakan harta anak yatim tersebut. Sebagaimana firman Allah SWT yang berikut;

Maksudnya: “*Dan janganlah kalian mendekati harta anak yatim melainkan dengan cara yang terbaik sehinggalah anak tersebut sampai kepada tempoh balighnya.*”

(al-An’am:

152)

### **Hak Mendapat Kasih Sayang**

Selaras dengan itu, anak-anak yatim bukan sahaja perlu diberi perhatian dari segi makan dan minum, bahkan ajaran Islam menekankan juga kepada belaian dan kasih sayang yang perlu diberikan kepada mereka (Amir Awang, et. al: 2016). Anak-anak yatim amat memerlukan belaian dan perhatian yang besar dari orang-orang yang mengambil berat tentang nasib mereka. Orang-orang ini dikenali sebagai wali asuh (Rashid Ridha: t.t). Kewujudan wali asuh bagi anak yatim berupaya menerapkan nilai-nilai kemanusiaan, terutamanya jika anak yatim itu datangnya dari keluarga yang susah atau ayah yang tidak meninggalkan sebarang harta. Penyebaran atau pelaksanaan wali asuh akan memberi kesan positif terhadap perkembangan

anak yatim, selain ia mampu mengurangi bilangan anak yatim yang terbiar tanpa jagaan.

Firman Allah SWT:

Maksudnya: *“Dan (ingatlah), ketika Kami mengambil janji dari Bani Israel (yaitu): Janganlah kamu menyembah selain Allah, dan berbuat baiklah kepada ibu bapak, kaum kerabat, anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta ucapkanlah kata-kata yang baik kepada manusia, dirikanlah salat dan tunaikanlah zakat. Kemudian kamu tidak memenuhi janji itu, kecuali sebahagian kecil daripada kamu, dan kamu selalu berpaling.”*

(al-Baqarah: 83)

Maksudnya: *“Mereka bertanya lagi kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (masalah) anak-anak yatim. Katakanlah: "Memperbaiki keadaan anak-anak yatim itu amatlah baiknya", dan jika kamu bercampur gaul dengan mereka (maka tidak ada salahnya) kerana mereka itu ialah saudara-saudara kamu (yang seagama)..”*

(al-Baqarah:

220)

Islam juga amat menekankan kepada pentingnya bersikap baik terhadap anak yatim, bersesuaian dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

Maksudnya: *“Adapun terhadap anak-anak yatim, maka janganlah engkau bersikap kasar terhadapnya, orang-orang yang meminta-minta, maka janganlah tengking herdik dan adapun nikmat itu hendaklah engkau sebutkan sebagai menzahirkan kesyukuran”*

(al-Dhuha: 9-

11)

## **Hak Mendapat Pendidikan**

Perbincangan Abdurrahman Misno (t.t.) dalam kajiannya terhadap keperluan pendidikan kepada anak yatim, beliau menyatakan perlunya model pendidikan Islam yang memfokuskan anak yatim pada persiapan mental dan spiritual untuk menjadi seorang manusia yang matang sama ada secara fizikal dan mental. Model pendidikan yang dimaksudkan adalah perlu mengarah kepada proses bimbingan secara berterusan untuk menjadi manusia yang baik dan berakhlak mulia. Proses pendidikan anak yatim juga perlu kepada perhatian terhadap psikologi anak-anak sehingga anak-anak yatim tidak merasakan mereka kehilangan seorang ayah yang sepatutnya menjadi tempat pergantungan bagi mereka.

Berdasarkan penelitian yang dilakukan oleh Imam Wahyudi (2009) menunjukkan bahawa keperluan dasar anak yatim merangkumi aspek-aspek berikut iaitu keperluan wakil seorang

ayah, keperluan pendidikan untuk kecekapan hidup dan keperluan pembinaan model yang mengarahkan anak yatim untuk kematangan mental dan spiritual. Justeru pendidikan yang berteraskan skop pendidikan Islam perlu menjadi satu kewajipan kepada anak yatim.

### **Hak Mendapat dan Mengembangkan Harta**

Al-Quran sangat memberi perhatian terhadap anak yatim termasuk dalam proses pengurusan harta anak yatim. Ia dibuktikan sebagaimana surah (al-Nisa, 2, 5 & 6). (al-Isra': 34), (al-An'am:152), (al-Baqarah 6,8,10, 177), (al-Hasyr:7) (al-Nisa': 2, 10), (al-Anfal: 41). Al-Quran juga menuntut supaya hak pengurusan kepada anak yatim dilakukan dengan adil dan saksama. Sebagaimana firman Allah SWT:

Maksudnya: *“Dan (Allah menyuruh kamu) supaya kamu mengurus anak-anak yatim secara adil. Dan kebajikan apa saja yang kamu kerjakan, maka sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahuinya.*

(al-Nisa': 127)

### **Hak Mendapat Ihsan**

Bentuk hubungan yang mesra dan erat di antara penjaga dan anak yatim perlu bagi membolehkan anak yatim berkongsi perasaan dan berbincang mengenai permasalahan yang dihadapi dalam kehidupan seharian. Asasnya, bentuk hubungan yang akrab dan terbuka membina keselesaan kepada anak yatim untuk meluahkan dan berbincang tentang permasalahan yang dihadapi. Persekitaran yang baik ini mampu memberi kesan positif kepada perkembangan emosi anak yatim supaya mereka mampu menjalani kehidupan seperti kanak-kanak lain yang masih mempunyai ibu bapa (Farah Syazrah, et. al, 2015).

Tugas menempatkan anak-anak yatim serta memberi kemudahan fizikal dan sosial kepada mereka diletakkan di bawah bidang kuasa Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). JKJ akan menghulurkan sumbangan bagi membiayai perbelanjaan anak yatim, di samping derma dan bantuan kewangan dari masyarakat tempatan dan luar yang prihatin terhadap kebajikan anak yatim. Usaha menempatkan anak-anak yatim di rumah anak yatim adalah satu usaha yang murni. Oleh kerana itu pertumbuhan dan perkembangan anak-anak yatim ini sama ada dari segi fizikal, mental mahupun sosial perlu diberi perhatian sebaik mungkin sebagaimana anak-anak

yang sebaya dengan mereka yang dapat mengecapi kehidupan di dalam keluarga sendiri (Amir Awang: 2004).

Jika disoroti kehidupan anak yatim di rumah kebajikan atau perlindungan, kajian mendapati pihak pentadbiran dan pengurusan rumah anak yatim perlu memberikan lebih perhatian terutamanya kepada anak-anak yatim yang umurnya sangat muda namun telah diajar hidup berdikari di asrama. Oleh yang demikian, kehadiran seorang kaunselor yang bertauliah adalah sangat diperlukan kerana setidak-tidaknya anak-anak yatim ini mempunyai arah tuju yang betul untuk mengadu sebarang masalah atau untuk meminta sebarang pendapat. Walaupun penjaga telah menghantar anak-anak yatim ini ke rumah anak yatim, namun penjaga tidak boleh berlepas tangan begitu sahaja. Sebolehnya mereka perlu juga dijenguk dan diberi perhatian dengan sentiasa bertanya khabar dan sebagainya. Ini kerana, sokongan moral daripada ahli waris amat bernilai kepada anak yatim yang ditinggalkan di rumah kebajikan.

Selain itu, kaunselor di sekolah juga perlu memainkan peranan penting dengan memantau sebarang perubahan yang berlaku ke atas pelajar-pelajar terutamanya yang melibatkan anak-anak yatim di bawah jagaan rumah kebajikan. Pihak sekolah juga perlu menganjurkan program yang dapat meningkatkan keyakinan dan memotivasikan pelajar-pelajar mereka. Masyarakat di sekeliling juga perlu memberikan perhatian kepada golongan anak yatim ini. Melalui perhatian yang diberikan menjadikan mereka rasa dihargai dan tenang mengharungi hari-hari yang mendatang (Jamaludian Ramli, et.al: t.t).

## **5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Bahagian ini membincangkan hasil dapatan temu bual bersama lapan orang Peserta Kajian (PK) yang terdiri daripada pakar agama (PK1), ahli akademik (PK2), wali anak yatim (PK4, PK5), balu (PK3, PK8), pengurus rumah kebajikan anak-anak yatim (PK6) dan pengamal undang-undang (PK7). Terdapat dua tema yang dihasilkan dalam dapatan ini iaitu konsep wali kepada anak yatim dan peranan wali terhadap anak yatim.

Dapatan kajian terhadap konsep wali kepada anak yatim telah menghasilkan empat sub tema iaitu definisi anak yatim, wali jiwa dan harta, syarat-syarat wali dan tertib urutan wali, manakala dapatan kajian mengenai peranan wali terhadap anak yatim telah menghasilkan lima

sub tema iaitu pemberian nafkah kepada anak yatim, mengurus harta anak yatim, menjaga harta anak yatim, mengembangkan harta anak yatim dan syarat menggunakan harta anak yatim. Berikut merupakan perbincangan dapatan kajian hasil temu bual bersama peserta kajian.

### **i. Konsep Wali kepada Anak Yatim**

Berikut merupakan dapatan temu bual berdasarkan kefahaman Peserta Kajian (PK) terhadap empat sub tema iaitu definisi anak yatim, wali jiwa dan harta, syarat-syarat wali dan tertib urutan wali.

#### **a) Definisi Anak Yatim**

Hasil dapatan kajian menyatakan, anak yatim ialah kanak-kanak yang yang belum mencapai akil baligh dan tidak mampu untuk membuat keputusan sendiri, mengurus serta menyara kehidupan. Sebagaimana petikan berikut: *“bagi saya, first tak boleh mengurus diri sendiri, yang keduanya tak mampu buat keputusan untuk diri sendiri dan tak mampu menyara diri sendiri, belum akil baligh so, anak yatimlah”*(PK4). Secara umumnya, anak yatim ialah seorang anak yang telah kematian bapa sebelum mencapai usia akil baligh. Petikan menyatakan: *“anak yatim secara umumnya kita katakan anak yang kematian bapa mengikut fekah Islam ni bukan ibu anak yang kematian bapa dimana anak tersebut belum mencapai usia baligh...”*(PK1). Namun demikian, menurut PK1 walaupun telah mencecah umur akil baligh sekiranya anak-anak ini berada dalam keadaan fakir miskin tidak berkemampuan untuk menjana atau mengumpul harta dan bagi anak-anak yang masih belajar di sekolah menengah atau universiti yang memerlukan bantuan pendidikan sehingga mereka boleh berdikari sendiri, kita boleh menggunakan hukum lurus iaitu dengan memanjangkan hak anak yatim meskipun telah mencapai akil baligh.

Sebagaimana hasil temu bual menyatakan: *“kecuali kita nyatakan, walaupun mereka ini sudah baligh tapi kita mengambil hukum lurus dan hukum kebiasaan berlaku maksud saya dalam suasana mutakhir ini anak-anak yang kena berindependant ketika usia dia 25 tahun keatas maka kita kena iktibar asal daripada yatim kita heret hak walaupun dia sudah akil baligh dan seumpamanya kita masih lagi mengambil hukum kerana keperluan dengan fakir miskin dia dengan ketidak adaan kemampuan untuk mendapatkan dan menjana harta maka kita boleh*

*heret lagi sebab kita syorkan bantuan pelajaran untuk mereka walaupun lepasan SPM dah masuk universiti dan seumpamanya sehinggalah dia akhirnya dapat berdikari jadi kita kena ambil kira dari semasa ke semasa.”(PK1).*

Seterusnya menurut PK3, anak yatim ialah anak yang kematian bapa dan ibu sebelum mencapai usia akil baligh. Begitu juga PK4, beliau menyatakan anak yatim adalah kanak-kanak yang kehilangan seorang bapa sebelum mereka mencapai usia akil baligh berumur 15 tahun ke bawah dan belum matang. Adapun menurut PK2, anak yatim ialah seorang kanak-kanak yang kehilangan atau kematian bapa yang berusia di bawah umur 18 tahun. Menurut beliau lagi, undang-undang keluarga Islam telah menghadkan umur kanak-kanak yang memerlukan penjagaan adalah di bawah umur 18 tahun. Terdapat beberapa isu yang timbul setelah kanak-kanak kematian bapa antaranya ialah aspek penjagaan diri dan penjagaan harta kanak-kanak tersebut. Kanak-kanak perlukan penjagaan untuk memastikan kebajikan kanak-kanak ini terjaga. Petikan dapatan adalah seperti berikut: *“anak yatim ni maksudnya anak yang er telah kematian bapa. Maksudnya bapanya telah meninggal dunia. So, dia ada beberapa isu lah. Isu dari segi penjagaan diri, maksudnya siapa yang berhak untuk menjaga err anak tersebut bila berlaku kematian bapa, dan yang keduanya ada isu dari segi err penjagaan terhadap harta. Kalau bapa tu ada meninggalkan harta, sejumlah harta untuk anak-anak, so anak ni pulak dikategori anak yatim. Anak yatim ni maksudnya anak err dikategorikan berusia di bawah 18 tahun. Dalam undang-undang ni kita hadkan yang dimaksudkan dengan kanak-kanak ataupun anak yang memerlukan kepada err penjagaan adalah anak-anak yang di bawah umur 18 tahun.”(PK2).*

## **b) Wali Jiwa dan Harta**

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan, wali jiwa bermaksud seseorang wali yang memberikan kasih sayang kepada anak yatim menggantikan kasih sayang seorang bapa dan juga menyediakan keperluan nafkah keperluan kehidupan mereka. Sebagaimana petikan berikut *“ye la maksudnya macam wali jiwa ni maksudnya di bagi kasih sayang, bagi apa... yang harta ni dia bagi harta je la kan. Kalau jiwa serta harta ni merangkumi semua la... semua la dia boleh bagi... nafkah bagi haa semua la kan” (PK3).* Selain itu, wali jiwa juga berperanan menjaga emosi anak yatim, mengawal perasaan dan memberikan semangat kepada anak yatim. Sebagaimana berikut *“Lebih kepada mengawal perasaan anak yatim tu”... “Arr menghiburkan*

*diorang, menaikkan semangat diorang*”(PK4). Wali harta pula adalah mereka yang memberi sokongan kewangan dengan memberi nafkah kepada anak yatim (PK4). Zahratul (2012) membahagikan perwalian anak yatim kepada perwalian terhadap mengasuh dan menyusu, perwalian terhadap diri dan perwalian terhadap hak milik. Sejarar dengan kajian yang menyatakan, wali menurut hukum Islam adalah diserahkan kewajipan untuk mengurus anak yatim serta hartanya sebelum anak itu dewasa (Khairuddin & Rina Safrida: 2020).

### c) Syarat-syarat Wali

Hasil dapatan menunjukkan, syarat wali kepada anak yatim mesti seorang yang bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan anak yatim dari aspek penjagaan diri, pemberian nafkah dan keperluan seharian. Sebagaimana petikan berikut “*Dia macam kalau kau kahwin mesti akan cari saya kan, macam wali ni kan kau mesti kena ada bertanggungjawab*” (PK8). Selain itu, seorang wali juga perlu mempunyai perwatakan yang cerdik, baik budi pekerti, sanggup berkorban, berkemampuan, tidak mengambil kesempatan, ikhlas dan tinggi amanahnya. Petikan berikut ada menyatakan, “*Kadang-kadang ada orang tuh yer lah kita nak cari wali orang yang cerdik orang yang baik orang yang pekerti orang yang sanggup berkorban orang yang berkemampuan orang yang tak ambik kesempatan orang yang benar-benar ikhlas orang yang tinggi amanahnya, itu baru wali utuh.*” (PK1).

Dapatan seterusnya menyatakan, syarat wali mesti dari keluarga sebelah bapa, seorang yang jujur, berakal dan matang serta mempunyai sikap bertanggungjawab (PK3). Syarat untuk melayakkan seseorang menjadi wali adalah beragama Islam, berakal, matang, mempunyai sifat kasih sayang dan pandai mengurus harta (PK4). Justeru penting bagi seorang wali memenuhi syarat ini kerana persekitaran yang baik mampu memberi kesan positif kepada perkembangan emosi anak yatim supaya mereka mampu menjalani kehidupan seperti kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa yang lain (Farah Syazrah, et. al: 2015).

Menurut enakmen undang-undang keluarga Islam Selangor 2003, syarat wali mesti beragama Islam, dewasa dan waras serta boleh dipercayai. Sebagaimana temu bual berikut “*...dengan syarat bahawa dia adalah seorang Islam , dewasa dan siuman dan dipercayai.*”(PK7). Berdasarkan dapatan ini menunjukkan, tahap kefahaman peserta kajian terhadap konsep wali kepada anak yatim adalah sangat baik kerana ia menepati konsep sebenar perwalian anak yatim

dalam Islam. Bersesuaian dengan kajian yang menyatakan, wali sama ada wali nasab atau wali hakim adalah suatu amanah yang dipertanggungjawabkan kepada individu yang berkelayakan secara umumnya untuk menjaga dan memastikan urusan orang yang berada di bawah tanggungannya sentiasa mendapat kebaikan dan terhindar dari sebarang keburukan, termasuk dalam soal perkahwinan, pemberian nafkah dan sebagainya (Zulfaqar et. al: 2019).

#### **d) Tertib Urutan Wali**

Berdasarkan dapatan kajian, kefahaman peserta kajian terhadap susunan wali adalah seperti berikut;

Wali adalah dari sebelah lelaki iaitu keluarga dari sebelah bapa. Sebagaimana dapatan berikut: *“kita kena cari wali sebelah lelaki dulu kan,”*(PK8). Wali anak yatim jatuh kepada keluarga sebelah ayah iaitu datuk, kedua pacik-pacik dan seterusnya. Hasil temu bual menyatakan: *“wali banyak jenis, wali hakim dan sebagainya. Mungkin dari segi turutan untuk anak yatim, jatuh pada keluarga sebelah ayah. Datuk, keduanya pacik makcik keluarga lelaki sebelah ayah dan seterusnya lah”*(PK4).

Dapatan seterusnya menyatakan, tertib wali dari sudut enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor (2003) telah menetapkan turutan hak penjagaan anak yatim setelah kematian bapa adalah pertama; datuk lelaki sebelah bapa, kedua; wasi yang dilantik oleh bapa atau wasi kepada wasi bapa dan wasi datuk sebelah bapa. Sebagaimana temu bual berikut: *“nampak, dia turun mengikut susunan keutamaan iaitu pertama, datuk lelaki sebelah bapa, wasi yang dilantik menurut bapa, wasi kepada wasi bapa, wasi datuk sebelah bapa...”*(PK7). Begitu juga apa yang dinyatakan oleh PK2, beliau menjelaskan turutan wali mesti daripada nasab sebelah bapa sama ada dari aspek perkahwinan atau pemberian nafkah. Beliau menambah, urutan wali bermula dari datuk sebelah bapa seterusnya wasi yang dilantik melalui wasiat bapa, wasi kepada wasi bapa, wasi datuk lelaki di sebelah bapa. Begitu juga bapa mempunyai kuasa dalam menentukan wasiat dirinya. Menurut al-Mawardi (1999), apabila tidak ada datuk atau datuk yang ada tidak mampu, barulah kewajipan nafkah berpindah kepada usul-usul perempuan (iaitu ibu atau nenek atau yang lebih atas) (Siti Nur Hazimah: 2018).

## ii. Peranan Wali Terhadap Anak Yatim

Berikut merupakan hasil dapatan temu bual bersama peserta kajian (PK) mengenai kefahaman mereka terhadap lima sub tema iaitu pemberian nafkah kepada anak yatim, mengurus harta anak yatim, menjaga harta anak yatim, mengembangkan harta anak yatim dan syarat menggunakan harta anak yatim.

### a) Pemberian Nafkah

Berdasarkan kefahaman peserta kajian, tanggungjawab wali terhadap anak yatim adalah memberikan nafkah kepada anak yatim sehingga mencapai umur 21 tahun atau sehingga anak tersebut sudah mendapat pekerjaan dan dapat menampung diri sendiri. Sebagaimana petikan berikut: *“kalau ikutkan banyak jugak ni kan, ye la tanggungjawab wali kepada... salah satunya rasanya nafkah... Haa kan... nafkah arr lepastu ye lah maksudnya tanggungjawab, keperluan apa-apa err anak yatim tu lah sampai rasanya mungkin sampai umur dia 21...”* (PK3).

Seterusnya dapatan ini juga dikuatkan dengan hasil temu bual oleh peserta kajian (PK4) yang menyatakan peranan wali terhadap anak yatim adalah berkait dengan aspek pengurusan hidup iaitu memastikan kehidupan anak yatim cukup dari segi perbelanjaan dan keperluan kehidupan mereka. Seterusnya peranan wali terhadap anak yatim adalah pemberian nafkah dari sudut nafkah luaran (zahir) dan dalaman (batin). Nafkah zahir adalah dari segi keperluan makanan, pakaian, tempat tinggal, perbelanjaan bulanan dan juga pendidikan, manakala nafkah batin adalah seperti menjaga emosi dan memberi kasih sayang bagi mengisi kekosongan kasih sayang daripada seorang bapa kepada anak yatim. Sebagaimana hasil temu bual berikut: *“pada pandangan saya, peranan wali terhadap anak yatim, yang pertama sekali dari segi makan minum, perbelanjaan bulanan, nafkah, kebajikan, pendidikan, bukan dari segi luaran sahaja, tapi dalaman juga, emosi, kasih sayangnya. saya nampak itu yang penting... peranan wali untuk mengisi kasih sayang yang kosong selepas kehilangan ayah.”*(PK4).

Sehubungan itu, Syamsul Bahri (2015) menyatakan, tanggungjawab wali memberi nafkah kepada anak yatim adalah menyamai tanggungjawabnya memberi nafkah kepada keluarga

sendiri. Peserta kajian seterusnya menyatakan, pemberian nafkah adalah mengikut kadar kemampuan wali untuk menampung keperluan anak yatim. Petikannya adalah seperti berikut: *“Ikut kemampuan la kan... kang buatnya orang tu tak mampu nak bagi... ikut kemampuan wali la kan”*(PK3). Ia dilihat ada persamaan dengan pandangan PK4, yang juga turut menyatakan perkara yang sama, iaitu kadar nafkah bagi anak yatim adalah mengikut kemampuan wali. Dapatan ini sejajar dengan perbincangan *Wizarah al-Awqaf wa al-Syuun al-Islamiyah al-Kuwait*, sumber nafkah anak yatim adalah daripada hartanya sendiri jika dia mempunyai harta, dan jika dia tidak mempunyai harta, sumber nafkah untuknya adalah daripada wali, dan jika dia tidak mempunyai wali, maka hak nafkah untuknya perlu diberikan oleh baitulmal (Siti Nur Hazimah: 2018).

Menurut PK7, pemberian nafkah kepada anak yatim dari aspek undang-undang adalah diberi keutamaan sebelum aspek penjagaan. Pihak mahkamah akan lebih menitikberatkan pemberian nafkah terlebih dahulu berbanding perkara yang melibatkan penjagaan anak yatim. Ini kerana anak yatim memerlukan perbelanjaan dan nafkah untuk meneruskan kehidupan. Justeru, keutamaan mahkamah adalah lebih kepada menjaga kebajikan anak tersebut. Ia termaktub dalam seksyen 60-81. Sebagaimana petikan berikut: *“ye harta dan anak. So itu yang kita tengok dalam penjagaan. Tapi bila melibatkan nafkah anak pula, kita rujuk seksyen lain. Nafkah anak pula lebih kepada aa peruntukan seksyen 60 sampai ke aaa 81.”*(PK7). Namun demikian, beliau menambah, dalam peruntukan undang-undang tidak terdapat penjelasan secara khusus berkenaan nafkah anak yatim. Penjelasan nafkah anak adalah secara umum dan ia memerlukan kepada perincian bagi memahami isu nafkah terhadap anak yatim. Sebagaimana kenyataan beliau: *“yes, sebab itu saya kata dalam isu tentang nafkah ni, dia tak sebut anak yatim. Sebab kalau pasal anak yatim hanya dalam seksyen 103 sahaja. Dalam isu nafkah ni dia tak sebut... Dalam hal ni nafkah ni saya katakan dia tak ada spesifik untuk anak yatim so kita tak ada peruntukkan khusus untuk anak yatim. Kita kena baca satu-satu.”*(PK7).

Seterusnya, PK2 pula menerangkan dalam seksyen 73, enakmen undang-undang keluarga Islam, Selangor menerangkan kewajipan menanggung nafkah bagi seseorang yang berkaitan dengan hukum syarak kepada anak yatim ataupun bagi anak-anak yang tidak diketahui keberadaan bapanya. Menurut beliau, seseorang yang bertanggung di bawah hukum syarak merujuk kepada nasab sebelah bapa iaitu datuk dan bapa saudara anak yatim tersebut. Peruntukan asal seksyen 73 mengatakan kewajipan menanggung nafkah anak adalah bapa kepada anak tersebut sama ada di bawah jagaannya ataupun di bawah jagaan orang lain, setelah

kematian bapa tanggungjawab pemberian nafkah diberikan kepada nasab bapa iaitu datuk dan sekiranya datuk tiada diteruskan oleh bapa-bapa saudara atau waris kepada bapa. Tuntasnya, dalam aspek pemberian nafkah kepada anak yatim tidak dijelaskan secara spesifik di dalam undang-undang keluarga Islam, Selangor 2003. Namun dalam arahan amalan ada mengatakan bahawa anak yatim boleh menuntut nafkah daripada wali iaitu adik beradik lelaki belah bapa. Wali mempunyai tanggungjawab untuk memberikan nafkah kepada anak yatim.

Selain itu, termasuk dalam pemberian nafkah juga adalah perkara yang melibatkan keperluan emosi anak yatim. Dapatan menunjukkan, keperluan emosi penting dalam aspek penjagaan anak-anak yatim kerana ia merupakan keperluan bagi seorang kanak-kanak yang memerlukan kasih sayang daripada kedua ibu bapa. Justeru keperluan emosi penting untuk menggantikan kasih sayang ibu bapa kepada anak-anak. Sebagaimana petikan berikut: *“ha keperluan emosi tu pula sangat penting la. Macam yang saya cakap tadi dia kadang-kadang terasa dekat sini kurang kasih sayang. Macam dia tengok orang luar kawan-kawan dia ibu bapa semua ada. So kadang-kadang kita terima program macam student la. Kalau program kaunseling tu kita terima lah.”* (PK6). Tambah beliau, sebagai contoh panggilan warden oleh anak-anak yatim adalah dengan gelaran abah dan umi kerana mereka menganggap anak-anak ini sebahagian daripada keluarga mereka. Perkara ini dapat mengeratkan hubungan di antara penjaga dengan anak yatim yang menjadi salah satu keperluan emosi bagi mereka.

#### **b) Mengurus Harta Anak Yatim**

Menurut Siti Shamsiah (2016), harta-harta anak yatim ini perlu diurus, dikembang dan dilabur bagi membolehkan anak-anak ini mendapat pulangan dan faedah. Justeru dapatan menyatakan, orang yang layak untuk menguruskan harta anak yatim adalah wali anak yatim, namun walau bagaimanapun wali tersebut perlu memenuhi kriteria-kriteria sebagai seorang wali (PK3). Dapatan ini juga disokong oleh PK4, beliau menyatakan wali adalah orang yang layak untuk menjaga harta anak yatim, namun bergantung kepada kelayakan wali tersebut. Wali perlu mencatat segala transaksi pengeluaran dan perubahan dari harta benda anak yatim yang berada di bawah perwaliannya agar harta tersebut dapat diserahkan kembali kepada mereka pada masa yang paling sesuai (Zahratul: 2012).

Menurut peserta kajian lagi, enakmen undang-undang keluarga Islam, Selangor 2003 mempunyai peruntukan berkenaan orang yang berhak untuk menguruskan harta anak yatim di dalam seksyen 89. Sebagaimana petikan beliau: *“Haaa.. okay kita tengok satu-satu eh. Satu, dalam undang-undang kita ada peruntukan mengenai siapa orang yang berhak untuk mengurus harta anak yatim err dia ada dalam peruntukan undang-undang la kita tengok satu-satu. Er orang yang berhak menjadi penjaga selepas bapa dia meninggal dalam seksyen 89.”*(PK2).

Berdasarkan dapatan melalui peruntukan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor (2003) telah memperuntukan hal-hal berkaitan dengan peranan wali atau wasi terhadap anak yatim. Bahagian ini telah memperincikan berkenaan dengan undang-undang anak yatim dari aspek hak penjagaan anak yatim, hak pemberian nafkah anak yatim, hak penjagaan harta anak yatim, kriteria-kriteria wasi dalam menentukan hak penjagaan harta anak yatim, hak penjagaan bersama anak yatim, batas penjagaan harta anak yatim, penggunaan harta anak yatim dan upah penjagaan anak yatim dari perspektif undang-undang. Menurut Zulkifli Mohamad al-Bakri (2016) menyatakan, pada asalnya individu yang berhak untuk mengambil alih pengurusan harta anak yatim adalah individu yang telah diwasiatkan oleh bapa kepada anak tersebut untuk menjaga harta mereka, sama ada orang yang diwasiatkan tersebut tergolong dalam kalangan kaum kerabatnya seperti ibu, bapa saudara, datuk atau selain mereka.

### **c) Menjaga harta anak yatim**

Berdasarkan dapatan kajian, seksyen 89 menjelaskan berkenaan hak penjagaan diri dan harta selepas anak kematian bapa. Hak penjagaan diri dan harta akan diserahkan kepada nasab waris dari sebelah bapa iaitu datuk. Begitu juga dengan hal pemberian nafkah, hak diberikan dari nasab sebelah bapa bukan dari sebelah ibu. Sebagaimana data temu bual berikut: *“Err ni sebut harta dulu sebab saya tengok soalan macam banyak sebut pasal harta.. so harta dan seksyen 89 kata kalau bapa dia meninggal so penjagaan ke atas hadonah atau penjagaan terhadap harta akan diserahkan kepada datuk sebelah lelaki. Arr sebelah waris la sebab dia punya nasab maksudnya nasab anak ni kepada bapa dia. So sepatutnya yang menguruskan harta ataupun yang ada hak untuk hadonah anak tadi atau yang ada hak untuk memberi nafkah adalah sebelah bapanya, dia bukan sebelah ibu.”*(PK2).

Selain itu, PK2 juga menambah, nasab sebelah bapa adalah datuk, sekiranya datuk juga tiada tanggungjawab penjagaan harta anak yatim diberikan kepada bapa-bapa saudara bukan dari sebelah mak. Mak hanya diberikan kemenangan untuk menjaga anak sahaja. Namun sekiranya bapa pernah membuat wasiat sebelum kematiannya, hak penjagaan akan diberikan kepada wasi yang dilantik mengikut wasiat yang dibuat. Mahkamah syariah akan mengikut kepada wasiat yang dibuat oleh bapa. Tidak kiralah sekiranya wasiat tersebut memberikan kemenangan kepada mak untuk menjaga harta anak yatim tersebut. Petikan temu bual: *“tetapi, err err okay datuk tadi kemudian kalau misalnya datuk dia tiada ataupun bapa tadi telah er pernah membuat wasiat sebelum kematian dia, so penjaga tadi akan diserahkan kepada wasi yang dilantik menurut wasiat bapa. Haa kan maksudnya datuk atau misalnya bapa wasiatkan kepada mak untuk jaga harta anak dia ni yang umur bawah 18 tahun, so mahkamah syariah akan ikut kepada wasiat lah sebab wasiat tadi wasiat yang valid.”*(PK2). Seterusnya, beliau menjelaskan lagi sekiranya bapa tidak membuat wasiat untuk menentukan hak penjagaan, mahkamah diberikan kemenangan untuk melantik penjaga yang sah untuk anak yatim. Terdapat tiga kumpulan yang diberikan hak penjagaan harta iaitu nasab sebelah bapa iaitu datuk dan keturunannya lelaki, kedua wasi yang dilantik oleh bapa melalui wasiat dan ketiga wasi yang dilantik oleh mahkamah syariah kerana tiada wasiat daripada bapa.

Adapun, PK1 pula berpendapat, cara menjaga harta anak yatim adalah dengan menurunkan kuasa kepada imam masjid kerana imam masjid biasanya lebih mengetahui situasi dan keadaan orang di kampung berbanding Baitulmal. Sebagaimana petikan berikut: *“Baitulmal tapi setakat ini pegawainya tak ramai, tiga orang dua orang sebab itu saya syorkan turunkan kuasa contohnya imam jawatankuasa masjid sebab dia lebih mengetahui keadaan orang kampung...”*(PK1).

#### **d) Mengembangkan harta anak yatim**

Hasil dapatan kajian menunjukkan, harta anak yatim boleh dikembangkan dengan melabur dan menjalankan perniagaan, keuntungan daripada pelaburan dan perniagaan yang dijalankan akan diberikan semula kepada anak yatim. Sebagaimana petikan berikut: *“haa sebab kadang ada juga yang tak berapa nak pandai kan urus haa sebab kita harta yang ada tu harta anak yatim tu boleh guna bukan sekadar untuk simpan, tapi boleh guna untuk contohnya melabur kan... kita guna duit tadi untuk business dan sebagainya, jadi dia punya keuntungan tu dapat pada anak yatim tadi. Haaa”*(PK3). Beliau juga menambah, pengembangan harta anak yatim juga

boleh dibuat dengan memasukkan duit anak yatim tersebut ke dalam akaun pelaburan ASB dan Tabung Haji. Selain itu, PK4 pula berpendapat cara untuk mengembangkan harta anak yatim adalah dengan menjalankan perniagaan. Dapatan ini bersesuaian dengan hadis berikut;

Maksudnya: *“Dari Amru bin Shuaib, dari bapanya, dari datuknya, Sesungguhnya Rasulullah SAW berkhotbah kepada manusia dengan bersabda; Ketahuilah sesiapa yang menjadi penjaga kepada anak-anak yatim yang ada harta, hendaklah ia perniagakan harta itu agar tidak terhakis dimakan zakat.”*(al-Tirmidzi, Muhammad bin Isa, al-Jami’ al-Sahih Sunan al-Tirmidzi, tahqiq, Ahmad Syakir, Bab zakat mal al-yatim, Dar ihya’ al-turath al-arabi, Bairut, t.th., jld. 3, hlm. 32).

#### **e) Menggunakan harta anak yatim.**

Dapatan menunjukkan, syarat boleh menggunakan harta anak yatim adalah untuk kepentingan anak yatim itu sendiri seperti perubatan dan makanan mereka. Penggunaan mengikut kadar kemampuan harta yang dimiliki. Sebagaimana kenyataan berikut: *“ada, syarat dia pertama sekali untuk kepentingan anak yatim tuh sendiri terutama perubatan ke, makanan ker, tapi mengikut kemampuan dan kadar, janganlah tiap-tiap hari makan KFC jer habislah duit, duit pun tak banyak ada RM1000 sebulan tiba-tiba dia belanja sampai RM5000 sebulan, tuh tak betul tu.”*(PK1).

Adapun, menurut PK3 pula, penggunaan harta anak yatim perlu dengan keizinan daripada anak yatim dan digunakan untuk keperluan harian anak yatim seperti makanan dan pakaian. Kenyataan ini turut disokong oleh PK4 dengan menyatakan boleh menggunakan harta anak yatim apabila telah mendapat kebenaran daripada mereka. Sebagaimana petikan berikut: *“boleh kalau dapat kebenaran arr ataupun memang duit yang dia dapat dari... bahagian yang dia dapat daripada duit anak yatim”*(PK4).

Namun begitu, ada kaedah atau cara ketika menggunakan harta anak yatim. Antaranya ialah perlu menjelaskan perkara yang melibatkan penjagaan harta tersebut dengan teliti. Ini kerana istilah menjaga harta terlalu luas dan ia boleh membawa maksud yang pelbagai seperti menjaga harta tanpa menggunakannya atau menjaga harta dengan menghabiskan harta tersebut. Justeru cara menggunakan harta anak yatim perlu dengan penelitian supaya wali tidak termasuk dalam golongan orang-orang yang memakan harta anak yatim. Sebagaimana

cadangan oleh PK1, beliau mencadangkan perlu menubuhkan satu badan penilai untuk menentukan hak dan tanggungjawab terhadap harta dan nafkah anak yatim. Berikut merupakan hasil temu bual bersama beliau: *“sama, saya kata sama sebab kadang-kadang jaga harta nih peranan jaga harta nih besar juga kadang-kadang istilah jaga harta nih macam mana adakah istilah jaga harta nih makna jaga harta tak gerak hartanya atau jaga harta sekadar habis jer ada juga jaganya tuh jadi benda tuh kena teliti yang jaga tuh kalau boleh kita gunalah harta tersebut guna sebaik-baiknya tapi saya syorkan ada satu badan yang jadi penilai siapa yang berhak untuk apa sebagai satu tanggungjawab terhadap harta anak yatim juga nafkah anak yatim.”*(PK1).

## 6.0 KESIMPULAN

Kajian ni telah merumuskan kefahaman ahli masyarakat tentang konsep wali kepada anak yatim dan peranan mereka terhadap anak yatim berada pada tahap yang baik. Ini mungkin disebabkan ahli masyarakat yang terlibat dalam kajian ini adalah dalam kalangan mereka yang ahli dan berpengetahuan dalam bidang ini. Namun timbul persoalan apabila ia sampai kepada peringkat aplikasi. Adakah orang yang sepatutnya menjadi wali kepada anak yatim berperanan sebagaimana sewajarnya yang diwajibkan dan digalakkan dalam Islam. Justeru kajian ini diharap dapat memberi pencerahan kepada masyarakat tentang pentingnya memahami peranan dan tanggungjawab wali terhadap anak yatim.

## RUJUKAN

- Abdurrahman Misno Bambang Prawiro. (t.t) Pendidikan Berkarakter Islami bagi anak yatim. Dosen Tetap Prodi Akhwal Al Syakhsyah Jurusan Hukum Islam STAI Al-Hidayah Bogor.
- Abi Bakr Ahmad bin ‘Ali al-Razi al-Jassas, Ahkam al-Qur’an (n.np: Dar alKhilafah al-‘ Aliya, 1 vols., 1335/1916), 405.
- Al-Mu’jam Lisan al-Arab, Maktabah Syuruq al-Dauliyah, Mesir. Cet. IV tahun 1425 H/2004 M.
- Al-Tirmidzi, Muhammad bin Isa, al-Jami’ al-Sahih Sunan al-Tirmidzi, tahqiq; Ahmad Syakir, Bab Zakat Maal al-Yatim, Dar Ihya’ al-Turath al-Arabi, Beirut, t.th., jil.3, hlm: 32.
- Al-Zuhayli. Al-Tafsir al-Munir. Jil(4). Dirasat: Jurnal Manajemen dan Pendidikan Islam 2, no. 1 (Desember 2016)
- Amir Awang, Rusimah Sayuti, Zakiyah Jamaluddin & Chan Cheong Chong. 2004. Permasalahan Anak Yatim Di Institusi Kebajikan Anak Yatim. Universiti Utara Malaysia. <https://www.researchgate.net/publication/269053837>.
- Farah Syazrah Mohd Ghazalli, Muhammad Fadhil Nurdin & Norizan Abdul Ghani. 2015. Penerimaan Layanan Emosi Anak Yatim Di Rumah Perlindungan: Kajian Di Wisma Yatim Perempuan Islam, Pulau Pinang. Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia.

- Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century. eISBN: 978-967-13705-0-6.
- Ibn Qayyim al-Jawziyah. 1994. *Tuhfat al-Mawrud bi Ahkam al-Mawrud*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Imam Wahyudi. 2009. *Motivasi Anak Yatim masuk ke PYIT*.
- Khairuddin & Rina Safrida. 2020. *Pemeliharaan Harta Anak Yatim oleh Wali (Studi Kasus di Kecamatan Tangan-Tangan Kabupaten Abdy)*. Fakultas Syari'ah dan Hukum UIN, Jurnal Ar-Raniry Banda Aceh.
- Masalah Perlindungan Anak (Jakarta: Akadanih, 1989), 15; Agus F. Tanggayung, *Proses Belajar Mengajar di Taman Kanak-Kanak* (Jakarta: LP, 1986), 5; Elizabert B. Huriock, *Child Development* (Tokyo: McGraw Hill Book, 1978), 37.
- Muhammad b. Abi Bakr al-Razi. 1931. *Al-Mukhtar al-Shihah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad b. Mukarram Ibn Manzur. 1993. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Rashid Ridha. T.th. *Tafsir al-Manar*. Mesir: al-Manar.
- Sayyid Sabiq. *Tafsir Fi Zilal al-Quran*. t.t.
- Syamsul Bahri (2015), *Konsep Nafkah Dalam Hukum Islam*. Kanun Jurnal Ilmu Hukum. No.66 Th.XVII (Agustus,2015) pp381-399.
- Siti Nur Hazimah Hamid, Bahiyah Ahmad, Shahidra Abd Khalil & Zunaidah Mohd Marzuki. *Pembiayaan Nafkah Anak Yatim: Tinjauan Menurut Perspektif Fiqh, Undang-Undang Keluarga Islam Malaysia Serta Kefahaman dan Amalan Masyarakat*. Akademika 90(1), April 2020: 137-149.
- Tafsir Al-Quran Al-'Azim*. Dar Al-Taybah, (2/223).
- Tafsir al-Quran al-Karim*, Imam Abu Al-Fida' bin Kathir. Kuwait: Jumiyyah Ihya' al-Turath.
- Tafsir al-Waseet*. Dar Nahdhah Misr, (3/58).
- Wahbah al-Zuhaili. 2011. *Fiqih Islam Wa Adillatuhu* Jilid 10. Darul Fikir Kuala Lumpur.
- Zahratul Idami. 2012. *Penetapan Perwalian Bagi Anak Korban tsunami Oleh Mahkamah Syar'iah Kota Banda Aceh*. Jurnal: Dinamika Hukum. Vol. 12. No. 1. Januari 2012.
- Zulfaqar bin Mamat, Wan Abdul Fattah Bin Wan Ismail, Lukman bin Abdul Mutalib, Syahirah binti Abdul Shukor & Hasnizam bin Hashim. 2019. *Tertib Wali Hakim dalam Perkahwinan: Kajian Kes di Negeri Sembilan*.  
<https://www.researchgate.net/publication/334361477>.